

Kesan Pandemik Covid-19 terhadap Guru Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat: Perspektif dari segi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) dalam Talian dan Kompetensi Digital Guru

C H Go¹ & N S M Aripen^{1,2}

¹Fakulti Pendidikan, Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

²Pusat Pengajian Diploma, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Pagoh, Johor, 86400, MALAYSIA

* gb200063@siswa.uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2022.02.02.003>

Received 27 July 2022; Accepted 19 August 2022; Available online 15 December 2022

Abstrak: Dalam tempoh pandemik Covid-19 yang berlaku sejak bulan Mac 2020, pelbagai cabaran telah dihadapi di kalangan guru semasa menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian. Mereka perlu mengadaptasi norma pengajaran yang baharu ini dalam masa yang singkat. Kajian tinjauan ini dijalankan demi mengkaji perspektif guru sekolah rendah daerah Batu Pahat serta kompetensi digital guru semasa menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian masa pandemik. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 48 orang guru daripada 3432 populasi guru sekolah rendah di daerah Batu Pahat. Responden menjawab soal selidik dalam talian dengan menggunakan Google Forms bagi mendapatkan data yang diperlukan untuk kajian. Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) digunakan untuk menganalisis data secara deskriptif iaitu untuk nilai min, sisihan piawai, peratus, dan frekuensi. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa perspektif guru semasa menjalankan PdPc dalam talian adalah positif. Kompetensi digital guru sekolah rendah daerah Batu Pahat adalah tinggi dalam kajian ini. Sebagaimana kesimpulan, guru mahir dengan teknologi dan bersedia melaksanakan PdPc secara dalam talian sepanjang musim pandemik Covid-19, justeru aktiviti pengajaran dan pembelajaran masih boleh dilaksanakan bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan untuk pembelajaran.

Kata Kunci: pandemik Covid-19, pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian, perspektif guru, kompetensi digital guru

1. Pengenalan

Sejak Mac 2020, kes penyakit coronavirus atau dikenali sebagai Covid-19, telah menjadi wabak global. Penyebaran coronavirus secara besar-besaran memaksa dasar menjauhkan sosial atau diperkenalkan sebagai penjarakan fizikal untuk meminimumkan penyebaran Covid-19. Oleh itu, dasar ini berusaha untuk melambatkan penyebaran Coronavirus di dalam kalangan masyarakat. Ia memberi kesan besar kepada pelbagai sektor kehidupan, terutama pendidikan. (Rahayu & Wirza, 2020). Menurut UNESCO (2020a), sekolah ditutup di kebanyakan negara berikutan keadaan kecemasan kesihatan awam yang melanda dunia.

Menurut Kuppusamy & Norman (2021), penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan kerajaan Malaysia di seluruh negara pada 18 Mac 2020 demi mengawal penularan virus ini. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah mengeluarkan perintah untuk menutup semua sekolah awam dan institusi pendidikan tinggi. Sehubungan dengan itu, tindakan yang luar daripada kebiasaan perlu dilakukan bagi suasana luar biasa atau norma baharu yang berlaku ini (Sandeep Krishnamurthy, 2020). Sebagai contoh, sepanjang tempoh PKP, para guru tidak dibenarkan ke sekolah bagi proses pengajaran dan pembelajaran secara formal dan bersempua yang telah menjadi kebiasaan bagi mereka sebelum PKP dilaksanakan. Menurut Aboagye et al. (2020), akibatnya pengajaran guru telah diubah dari pendekatan konvensional kepada penerimaan teknologi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian. Perubahan secara tiba-tiba ini telah memberi kesan terhadap sistem pendidikan di Malaysia di mana guru-guru perlu melakukan perubahan proses pengajaran dan pembelajaran daripada bersempua kepada PdPc dalam talian yang berdasarkan teknologi seperti portal pembelajaran, laman web, YouTube, aplikasi mudah alih seperti WhatsApp, Telegram dan sebagainya.

1.1 Latar Belakang Masalah

Pandemik Covid-19 telah mewajibkan para guru negara membangun untuk menggunakan platform dalam talian untuk pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) demi menyokong sektor pendidikan dalam negara. Para guru perlu menyesuaikan teknologi untuk kejayaan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian (Kuppusamy & Norman, 2021). Aktiviti pembelajaran bersempua tidak dapat dilaksanakan dan secara tidak langsung memaksa proses pembelajaran dari rumah dilaksanakan melalui pendekatan pembelajaran dalam talian menggunakan pelbagai platform teknologi.

Di Malaysia, pengajaran dalam talian tidak begitu popular. Sebilangan besar guru tidak terlatih dengan baik menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) secara dalam talian. Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tanpa pilihan, guru mula mengajar dan membuat penilaian dari rumah mereka. Mereka menghadapi cabaran seperti kekurangan kompetensi digital dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian, kekurangan infrastruktur teknikal, iaitu komputer riba, internet dan mikrofon di rumah mereka untuk mengajar.

Menurut Hairia'an & Dzainudin (2020), melalui pembelajaran dalam talian, penglibatan guru, ibu bapa dan kanak-kanak amat penting dalam memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai. Ini bermakna, kompetensi digital guru dalam menggunakan peralatan seperti komputer, internet, Microsoft PowerPoint, video serta aplikasi dalam talian sangat diperlukan dalam memastikan kanak-kanak mendapat kefahaman, minat dan komitmen kanak-kanak dalam sesi pembelajaran.

Di samping itu, terdapat beberapa kelemahan pengajaran dan pembelajaran dalam talian iaitu pelajar mudah mengelamun semasa kelas dijalankan, keterpencilan, serta kekurangan interaksi atau hubungan.

Selain itu, pengajaran dan pembelajaran dalam talian juga didapati kurang berkesan daripada kaedah pembelajaran tradisional kerana kurang penjelasan dan tafsiran mengenai sesuatu subjek walaupun pelajar tersebut mempunyai pengetahuan yang sangat baik dalam akademik. Mereka mungkin tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menyampaikan pengetahuan mereka kepada orang lain, bidang ilmiah semata-mata yang merangkumi praktikal tidak dapat dipelajari dengan betul melalui pembelajaran atas talian, penggunaan sebilangan besar laman web membawa kos yang tidak dijangka baik dalam masa dan wang (Almosa, 2002).

1.2 Pernyataan Masalah

Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam talian di persekitaran rumah mempunyai cabaran yang berbeza dari pengajaran di persekitaran sekolah. Persekitaran sekolah mempunyai persekitaran yang kondusif di mana semua kemudahan tersedia dengan selesa. Realiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian di Malaysia adalah bahawa guru, ibu bapa, dan pelajar masih bergelut dengan pembelajaran dalam talian di rumah kerana peralatan yang tidak mencukupi, kekurangan latihan, serta persekitaran yang tidak kondusif dan sesuai untuk pembelajaran.

Selain itu, kajian Rusdiana et al. (2020) menyatakan bahawa tahap penguasaan teknologi yang rendah dalam kalangan pendidik menyebabkan penyampaian bahan PdPc kepada pelajar juga kurang memuaskan. Tambahan pula, ramai guru yang masih menggunakan kaedah konvensional (ceramah, penerangan, latih tubi dan sebagainya) dalam pengajaran dan tidak menggunakan media Internet untuk menyokong PdPc dalam talian. Pelaksanaan penggunaan PdPc dalam talian dengan berkesan adalah menjadi satu cabaran kepada guru (Kaukab et al. 2018). Oleh yang demikian, kompetensi digital guru amat penting dalam memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian dijalankan dengan lancar semasa pandemik Covid-19 berlaku. Ini akan mencapai objektif pembelajaran serta menarik minat pelajar untuk menjalani proses pembelajaran walaupun berada di rumah.

Tambahan pula, guru, sebagai peneraju pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian, mesti dapat mengatur semua komponen instruksional. Ini termasuk kaedah instruksional, media yang akan digunakan dalam pembelajaran, penggunaan waktu instruksional yang berkaitan dengan waktu penggunaan aplikasi, dan faktor psikologi dan sosial yang mempengaruhi motivasi guru secara signifikan ketika mengajar. Guru mempunyai tugas dan tanggungjawab yang tidak mudah dipindahmilikan apabila mereka mesti berubah dari sistem pembelajaran bersemuka di dalam kelas kepada sistem dalam talian ditambah dengan pengalaman pembelajaran dalam talian yang tidak pernah dilaksanakan sebelumnya. Seorang guru mesti mengatasi semua masalah yang berlaku dalam pembelajaran dalam talian secara responsif agar pembelajaran terus mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, pengkaji akan menjalankan satu kajian bagi mengenalpasti perspektif guru sekolah rendah dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian dan kompetensi digital guru semasa pandemik Covid-19.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan tajuk kajian di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengenalpasti perspektif guru sekolah rendah daerah Batu Pahat dari segi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19.
- (ii) Mengenalpasti kompetensi digital guru sekolah rendah daerah Batu Pahat dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19.

1.4 Persoalan Kajian


Berikut adalah persoalan bagi kajian Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Guru Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat: Perspektif Dari Segi Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Dalam Talian Dan Kompetensi Digital Guru:

- (i) Sejauhmana perspektif guru sekolah rendah daerah Batu Pahat dari segi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19?
- (ii) Sejauhmana kompetensi digital guru sekolah rendah daerah Batu Pahat dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19?

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian adalah adaptasi daripada Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model, TAM*), Davis (1989). Model TAM secara asasnya mengandungi dua konstruk utama iaitu tanggapan kebergunaan (*Perceived Usefulness*) dan tanggapan mudah guna (*Perceived ease of use*). Tanggapan kebergunaan merujuk kepada pengguna percaya dengan menggunakan teknologi atau sistem tersebut akan meningkatkan prestasi kerja. Manakala tanggapan mudah guna pula merujuk kepada pengguna percaya bahawa teknologi atau sistem tersebut dapat digunakan dengan mudah dan bebas dari masalah (Davis, 1989). Seterusnya model asas ini perlu dikembangkan lagi dengan memasukkan faktor luaran (*external variables*) yang sesuai dengan kajian yang dijalankan bagi pengukuhan dapatan (Zabukovsek & Bobek, 2013).

Kerangka konsepsual kajian ini yang diadaptasi daripada Model TAM telah terbahagi kepada faktor luaran yang merupakan kesan pandemik Covid-19, perspektif guru dari segi dua konstruk utama iaitu tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna serta kompetensi digital guru yang mempunyai lapan konstruk iaitu penglibatan profesional (*Professional engagement*), sumber digital (*Digital resources*), pedagogi digital (*Digital pedagogy*), penilaian (*Assessment*), memperkasakan pelajar (*Empowering learners*), memudahkan kecekapan digital pelajar (*Facilitating learners' digital competence*), persekitaran digital (*Digital environment*) dan komitmen digital ekstrinsik (*Extrinsic digital commitment*). Dengan ini, pengkaji dapat mengenalpasti kesediaan dan kemahiran guru sekolah rendah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19. Kerangka konsepsual dari Rajah 1 merupakan asas kepada kajian bagi pengkaji menjalankan kajian ini.



Rajah 1.
Kerangka Konsepsual Kajian
(Adaptasi daripada Davis, 1989; Alarcón, R. et al., 2020)

2. Kajian Literatur

Kajian literatur merupakan huraian mengenai beberapa penulisan dan kajian yang berkaitan dengan topik kajian serta akan mengemukakan sorotan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lain sebelum ini. Tujuan sorotan kajian ini dinyatakan adalah untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan semasa pelaksanaan proses penyelidikan. Selain itu, ia juga bertindak sebagai sokongan kepada hujah-hujah yang dikemukakan oleh pengkaji semasa menyatakan sesuatu pendapat. Bahagian ini juga akan membincangkan mengenai perspektif guru sekolah rendah terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19 dan kompetensi digital guru sekolah rendah semasa menjalankan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian.

2.1 Perspektif Guru Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19

Terdapat beberapa kajian luar negara yang mengkaji perspektif guru terhadap pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. Menurut Mohammad Ziaul Hoq (2020), sebilangan besar guru lelaki di Arab Saudi mempunyai perspektif yang positif mengenai pembelajaran dalam talian semasa tempoh pandemik ini. Kebanyakan guru lelaki Arab Saudi berpendapat bahawa pendekatan pembelajaran dalam talian menjadikan proses pengajaran lebih efektif, mudah untuk dikemaskini dan menjimatkan masa.

Selain itu, Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020) yang menjalankan kajian di Banten dan Jawa Barat, Indonesia juga menyatakan bahawa guru merasakan bahan pengajaran dari pelbagai sumber dalam talian mudah untuk dikemaskini serta mudah untuk diberikan kepada pelajar kerana ia berlaku secara dalam talian. Tambahan pula, responden dalam kajian yang dijalankan oleh Ramakanta dan Sonali (2020) menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian merupakan pilihan yang terbaik semasa tempoh pandemik ini manakala ia tidak sesuai dijadikan sebagai pengganti kepada pembelajaran konvensional.

Menurut Rahayu & Wirza (2020), bagi guru sekolah menengah di Bandung, Indonesia, pembelajaran dalam talian masih merupakan sistem baru untuk pengajaran. Oleh itu, perspektif awal guru terhadap pembelajaran dalam talian sangat penting untuk memudahkan pembelajaran dalam talian yang berkesan dari segi persekitaran; kebaikan dan kekangan untuk pelaksanaan pembelajaran dalam talian ini.

2.2 Perspektif Guru Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19

Terdapat beberapa kajian luar negara yang mengkaji perspektif guru terhadap pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. Menurut Mohammad Ziaul Hoq (2020), sebilangan besar guru lelaki di Arab Saudi mempunyai perspektif yang positif mengenai pembelajaran dalam talian semasa tempoh pandemik ini. Kebanyakan guru lelaki Arab Saudi berpendapat bahawa pendekatan pembelajaran dalam talian menjadikan proses pengajaran lebih efektif, mudah untuk dikemaskini dan menjimatkan masa.

Selain itu, Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020) yang menjalankan kajian di Banten dan Jawa Barat, Indonesia juga menyatakan bahawa guru merasakan bahan pengajaran dari pelbagai sumber dalam talian mudah untuk dikemaskini serta mudah untuk diberikan kepada pelajar kerana ia berlaku secara dalam talian. Tambahan pula, responden dalam kajian yang dijalankan oleh Ramakanta dan Sonali (2020) menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian merupakan pilihan yang terbaik semasa tempoh pandemik ini manakala ia tidak sesuai dijadikan sebagai pengganti kepada pembelajaran konvensional.

Menurut Rahayu & Wirza (2020), bagi guru sekolah menengah di Bandung, Indonesia, pembelajaran dalam talian masih merupakan sistem baru untuk pengajaran. Oleh itu, perspektif awal guru terhadap pembelajaran dalam talian sangat penting untuk memudahkan pembelajaran dalam talian yang berkesan dari segi persekitaran; kebaikan dan kekangan untuk pelaksanaan pembelajaran dalam talian ini.

2.3 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Dalam Talian

Guru dianggap sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat pada masa dahulu. Kini, peranan guru telah berubah secara drastik menjadi fasilitator dalam proses pembelajaran dan pengajaran abad ke-21(Hairia'an & Dzainudin, 2020). Oleh yang demikian, persediaan guru adalah penting memandangkan guru merupakan kumpulan pelaksana yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perubahan tersebut sekaligus menerima segala perubahan dengan cekap dan efektif. Menurut Rahayu & Wirza (2020), definisi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19 ialah guru dan pelajar tidak pergi ke sekolah, tetapi mereka mengajar dan belajar dari rumah dengan menggunakan teknologi. Peralatan teknologi yang boleh digunakan seperti telefon pintar, komputer riba, I-Pad dan tablet. Banyak platform digital ditawarkan untuk pembelajaran dalam talian yang boleh bersepada dengan teknologi, seperti Whatsapp, Google Classroom, Zoom meeting dan sebagainya.

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian sangat penting untuk menjelaskan pengendalian kajian yang dijadikan sebagai garis panduan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Ia juga merupakan bahagian penting yang digunakan oleh pengkaji untuk memastikan kajian yang dijalankan mengikut prosedur dan kaedah yang betul. Oleh yang demikian, metodologi kajian ini dirangka untuk mencapai matlamat kajian iaitu mengenalpasti kesan pandemik Covid-19 terhadap guru sekolah rendah daerah Batu Pahat: perspektif dari segi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian dan kompetensi digital guru. Setelah masalah kajian telah dikenalpasti dan sorotan tentang kajian telah dibuat, pengkaji seterusnya akan membincangkan tentang perkara-perkara reka bentuk kajian, populasi dan persampelan, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan dan analisis data.

3.1 Reka bentuk Kajian

Menurut Wiersma (2000), rekabentuk kajian merupakan suatu panduan tentang bagaimana kaedah atau prosedur untuk mendapatkan data dan juga satu perancangan di dalam proses mencapai objektif kajian. Kajian yang dijalankan adalah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik dalam talian, Google Form yang diadaptasi berdasarkan Model Penerimaan Teknologi (TAM) dan instrumen DIGIGLO untuk mengenalpasti perspektif dan kompetensi digital guru sekolah rendah semasa menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19.

Teknik persampelan rawak digunakan dalam kajian ini untuk memastikan pengkaji mendapatkan maklumat yang diperlukan berdasarkan persoalan kajian. Penggunaan borang soal selidik merupakan cara yang menjimatkan masa untuk mengumpul data dalam jangka masa yang singkat. Soal selidik merupakan alat ukur yang praktikal dan berkesan bagi kajian tinjauan. Data yang dikumpul dan dapatan daripada hasil kajian ini dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan di mana kaedah ini dipilih berdasarkan kesesuaian dengan reka bentuk kajian, lebih praktikal dan realistik untuk mendapatkan maklum balas yang baik daripada responden. Soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan dan seterusnya dapat menjawab persoalan kajian.

3.2 Populasi dan Persampelan

Dalam penyelidikan pendidikan, populasi yang ingin diselidik biasanya ialah kumpulan individu seperti murid dan guru yang mempunyai ciri-ciri yang ditetapkan. Manakala persampelan pula merupakan strategi penyelidikan di mana pengkaji boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang merupakan anggota kepada populasi tersebut. Individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji yang dinamakan sampel.

Populasi kajian ini terdiri daripada para guru sekolah rendah daerah Batu Pahat. Walaupun jumlah populasi yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 3432 orang manakala responden yang dipilih hanya terdiri daripada 48 orang guru disebabkan kesuntukan masa dan limitasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan masa pandemik Covid-19.

3.3 Instrumen Kajian

Satu set soal selidik dalam talian, Google Form yang mengandungi dua bahagian yang mengenalpasti perspektif guru dan kompetensi digital guru. Soal selidik diadaptasi dari Davis (1989, 1993), dan literatur sebelumnya menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM) (Alharbi & Drew, 2014; Chang et al., 2012; Wan Azli et al., 2018) untuk mengenalpasti perspektif guru dari segi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian. Soal selidik bahagian A merupakan demografi responden yang mengandungi tiga item aneka pilihan. Bahagian B dalam soal selidik mengandungi 10 item yang merujuk kepada perspektif guru dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19. Bahagian C pula merujuk kepada kompetensi digital guru yang mengandungi 8 item.

Bahagian-bahagian ini memerlukan responden untuk menilai tahap persetujuan dan ketidaksetujuan mereka dengan pernyataan berdasarkan skala Likert 5 mata bermula dari 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Kurang Setuju), 4 (Setuju), dan 5 (Sangat Setuju). Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas dan pengumpulan data yang hendak diperolehi adalah kaedah soal selidik dalam talian (Google Form). Pemilihan instrumen ini adalah bertepatan kerana soal selidik dalam talian merupakan instrumen kajian yang sering digunakan oleh penyelidik dalam kajian tinjauan semasa pandemik Covid-19 ini. Pautan Google form yang lengkap dengan kesemua bahagian soal selidik diberikan kepada sampel kajian melalui aplikasi WhatsApp dan Telegram. Masa yang diberikan untuk menjawab soal selidik adalah dalam tempoh satu minggu.

Soal selidik dalam talian dapat memberi peluang kepada responden untuk berfikir dan mengambil masa untuk membuat keputusan yang tepat. Menurut Marican (2005), borang soal selidik adalah instrumen yang bersesuaian di dalam kajian ini kerana penyelidikan yang dilaksanakan ini berbentuk tinjauan di mana ia akan memudahkan responden memberi maklum balas terhadap kajian yang akan dijalankan ini.

3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan soal selidik yang dibangunkan dinilai dari segi kesesuaian isi dan kandungan soal selidik tersebut. Kesahan soal selidik perlu dilakukan bagi membolehkan soal selidik mencapai objektif kajian. Menurut Idris (2010), kebolehpercayaan mempersoalkan sejauh mana penggunaan instrumen kajian berbentuk soal selidik dapat mengukur permasalahan yang hendak dikaji. Kebolehpercayaan nilai Cronbach's Alpha bagi instrumen yang diadaptasi dari TAM (Model Persediaan Teknologi) ialah .895. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dapat memberikan keputusan yang tepat.

3.5 Analisis Data

Data yang dikumpulkan dari Google Form dipindahkan ke SPSS (Statistical Package for Social Science) untuk menganalisis data. Statistik deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Data yang diperolehi akan menjalankan analisis untuk setiap item mentah yang diperolehi. Ini adalah kerana nilai-nilai min dan varians mudah didapati oleh pengkaji bagi membantu perlaksanaan kajian ini. Jadual 1 berikut merupakan ringkasan ujian statistik yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1: Ringkasan Ujian Statistik

| Persoalan Kajian | Pemboleh Ubah | Jenis Skala | Jenis Ujian Statistik |
|---|-------------------------|-------------|---|
| 1. Sejauhmana perspektif guru sekolah rendah daerah Batu Pahat dari segi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19? | Perspektif Guru | Ordinal | Analisis Deskriptif: -Min -Sisihan Piawai |
| 2. Sejauhmana kompetensi digital guru sekolah rendah daerah Batu Pahat dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19? | Kompetensi Digital Guru | Ordinal | Analisis Deskriptif: -Min -Sisihan Piawai |

4. Dapatan Kajian

4.1 Demografi Responden

Seramai 48 orang responden yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah daerah Batu Pahat telah menjawab soal selidik dalam talian. Jadual 1.2 merupakan huraiyan analisis latar belakang responden melibatkan aspek jantina, pengalaman mengajar dan tahap pendidikan.

Jadual 2 : Analisis Latar Belakang Responden

| Item | Kekerapan | Peratus (%) |
|----------------------------|-----------|-------------|
| Jantina | 12 | 25 |
| Lelaki | 36 | 75 |
| Perempuan | | |
| Pengalaman Mengajar | 5 | 10.4 |
| 1 hingga 5 tahun | 12 | 25.0 |
| 6 hingga 10 tahun | 8 | 16.7 |
| 11 hingga 15 tahun | 16 | 33.3 |
| 16 hingga 20 tahun | 7 | 14.6 |
| 21 tahun ke atas | | |
| Tahap Pendidikan | | |
| Sijil/ Diploma Perguruan | 6 | 12.5 |
| Ijazah Sarjana Muda | 34 | 70.8 |
| Sarjana | 8 | 16.7 |

Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden guru sekolah rendah daerah Batu Pahat terdiri daripada perempuan dengan kekerapan 36 orang (75%) manakala guru lelaki hanya 12 orang (25%). Responden yang mempunyai pengalaman mengajar 16 hingga 20 tahun ke atas mempunyai kekerapan yang paling tinggi iaitu 16 orang (33.3%) berbanding dengan responden yang mengajar 6 hingga 10 tahun iaitu 12 orang (25.0%). Terdapat 8 orang (16.7%) guru yang mempunyai pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun. 7 orang (14.6%) guru telah mengajar 21 tahun ke atas. Responen yang mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun ialah 5 orang (10.4%). Bagi tahap pendidikan responden kajian ini pula didapati majoriti guru mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan kekerapan 34 orang (70.8%). Mereka yang mempunyai Sarjana adalah sebanyak 8 orang (16.7%) dan terdapat 6 orang (12.5%) guru yang mempunyai Sijil/ Diploma Perguruan.

Dalam kajian ini, nilai Min (M) dan sisihan piawai (SP) digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Interpretasi skor min yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada cadangan Pallant (2010) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

| Skor Min | Interpretasi Skor Min |
|-----------|-----------------------|
| 1.00-2.33 | Rendah |
| 2.34-3.67 | Sederhana |
| 3.68-5.00 | Tinggi |

4.2 Perspektif Guru Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat Dari Segi Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19

Jadual 4 menunjukkan bahawa dapatan yang diperoleh berkaitan dengan perspektif guru sekolah rendah daerah Batu Pahat dari segi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19. Dua item menunjukkan interpretasi nilai min yang tinggi, iaitu PdPc dalam talian menjadikan bantu mengajar lebih menarik dan efektif menunjukkan nilai $M = 3.75$; $SP = 0.812$, PdPc dalam talian memudahkan untuk mengemaskini bahan pengajaran dari semasa ke semasa menunjukkan nilai $M = 3.71$; $SP = 0.798$.

Jadual 4: Analisis Perspektif Guru

| Item | Perspektif Guru | Min (M) | Sisihan Piawai (SP) | Interpretasi |
|------|--|---------|---------------------|--------------|
| B1 | Saya berasa PdPc dalam talian mudah untuk dipelajari. | 3.46 | 0.898 | Sederhana |
| B2 | Saya berasa PdPc dalam talian memudahkan saya menyediakan bahan pengajaran. | 3.58 | 0.871 | Sederhana |
| B3 | Saya berasa PdPc dalam talian menjadikan bantu mengajar saya lebih menarik dan efektif. | 3.75 | 0.812 | Tinggi |
| B4 | Saya berasa PdPc dalam talian memudahkan saya mengemaskini bahan pengajaran dari semasa ke semasa. | 3.71 | 0.798 | Tinggi |

| | | | | |
|-----|---|------|-------|-----------|
| B5 | Saya berasa PdPc dalam talian memudahkan saya menghantar tugas kepada pelajar saya. | 3.52 | 1.010 | Sederhana |
| B6 | Saya berasa PdPc dalam talian memudahkan saya membuat penilaian terhadap pelajar saya. | 2.83 | 0.907 | Sederhana |
| B7 | Saya berasa PdPc dalam talian lebih menarik berbanding pembelajaran konvensional. | 3.25 | 1.082 | Sederhana |
| B8 | Saya berasa PdPc dalam talian meningkatkan pembelajaran kendiri pelajar. | 3.17 | 1.098 | Sederhana |
| B9 | Saya berasa PdPc dalam talian menjimatkan masa dan kos percetakan. | 3.44 | 1.090 | Sederhana |
| B10 | Saya berasa PdPc dalam talian membolehkan pelajar menjadi lebih aktif dan berminat dalam proses PdPc. | 3.04 | 0.944 | Sederhana |

Lapan item pula telah menunjukkan interpretasi nilai min yang sederhana, iaitu PdPc dalam talian memudahkan guru menyediakan bahan pengajaran menunjukkan nilai $M = 3.58$; $SP = 0.871$, PdPc dalam talian memudahkan guru menghantar tugas kepada pelajar menunjukkan nilai $M = 3.52$; $SP = 1.010$, PdPc dalam talian mudah untuk dipelajari menunjukkan nilai $M = 3.46$; $SP = 0.898$, PdPc dalam talian menjimatkan masa dan kos percetakan menunjukkan nilai $M = 3.44$; $SP = 1.090$.

Item yang seterusnya iaitu PdPc dalam talian lebih menarik berbanding pembelajaran konvensional telah menunjukkan nilai $M = 3.25$; $SP = 1.082$, PdPc dalam talian meningkatkan pembelajaran kendiri pelajar menunjukkan nilai $M = 3.17$; $SP = 1.098$, PdPc dalam talian membolehkan pelajar menjadi lebih aktif dan berminat dalam proses PdPc menunjukkan nilai $M = 3.04$; $SP = 0.944$, PdPc dalam talian memudahkan guru membuat penilaian terhadap pelajar menunjukkan nilai $M = 2.83$; $SP = 0.907$. Secara kesimpulannya, berdasarkan nilai min, semua responden menunjukkan perspektif yang positif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19.

4.3 Kompetensi Digital Guru Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat Dalam Menjalankan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19

Jadual 5 menunjukkan dapatan yang diperoleh berkaitan dengan kompetensi digital guru dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemic Covid-19. Hasil kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 mendapati bahawa majoriti responden menunjukkan kompetensi digital yang tinggi dalam menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19.

Jadual 5 : Analisis Kompetensi Digital Guru

| Item | Perspektif Guru | Min (M) | Sisihan Piawai (SP) | Interpretasi |
|-------------|---|----------------|----------------------------|---------------------|
| C1 | Saya berasa lebih mudah untuk mengajar dengan menggunakan aplikasi dalam talian seperti <i>Quizizz</i> dan <i>Kahoot</i> semasa PdPc dalam talian. | 3.77 | 0.692 | Tinggi |
| C2 | Saya selesa menggunakan teknologi maklumat untuk PdPc yang lebih efektif. | 3.90 | 0.751 | Tinggi |
| C3 | Saya berkemahiran dalam teknologi maklumat (ICT). | 3.71 | 0.743 | Tinggi |
| C4 | Penggunaan aplikasi <i>WhatsApp</i> dan <i>Telegram</i> sangat berkesan untuk digunakan semasa PdPc dalam talian. | 3.46 | 0.849 | Sederhana |
| C5 | Saya berasa lebih mudah menggunakan bahan pembelajaran yang terdapat di internet seperti <i>Youtube</i> untuk mengajar semasa PdPc dalam talian. | 4.08 | 0.739 | Tinggi |
| C6 | Saya berasa lebih mudah menggunakan platform pengurusan pembelajaran seperti <i>Google Classroom</i> dan <i>Google Meet</i> sebagai alat untuk PdPc dalam talian. | 3.90 | 0.805 | Tinggi |
| C7 | Saya sentiasa mengikut perkembangan penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan. | 3.94 | 0.727 | Tinggi |
| C8 | Saya berasa kesediaan yang tinggi dalam teknologi maklumat meningkatkan tahap keyakinan diri saya dalam PdPc dalam talian. | 3.96 | 0.849 | Tinggi |

Kompetensi digital guru dalam menggunakan bahan pembelajaran yang terdapat di internet seperti *Youtube* untuk mengajar semasa PdPc dalam talian menunjukkan nilai $M=4.08$; $SP = 0.739$, kesediaan yang tinggi dalam teknologi maklumat meningkatkan tahap keyakinan diri dalam PdPc dalam talian menunjukkan nilai $M = 3.96$; $SP = 0.849$, guru sentiasa mengikut perkembangan penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan menunjukkan nilai $M = 3.94$; $SP = 0.727$. Kompetensi digital guru dalam menggunakan platform pengurusan pembelajaran seperti *Google Classroom* dan *Google Meet* sebagai alat untuk PdPc dalam talian menunjukkan nilai $M = 3.90$; $SP = 0.805$, guru selesa menggunakan teknologi maklumat untuk PdPc yang lebih efektif menunjukkan nilai $M = 3.9$; $SP = 0.751$. Kompetensi digital guru dalam menggunakan aplikasi dalam talian seperti *Quizizz* dan *Kahoot* semasa PdPc dalam

talian menunjukkan nilai $M = 3.77$; $SP = 0.692$, guru berkemahiran dalam teknologi maklumat (ICT) menunjukkan nilai $M = 3.71$; $SP = 0.743$. Item 4 menunjukkan interpretasi nilai min yang sederhana, iaitu penggunaan aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram* sangat berkesan untuk digunakan semasa PdPc dalam talian menunjukkan nilai $M = 3.46$; $SP = 0.849$.

5. Perbincangan

5.1 Perspektif Guru Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat Dari Segi Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19

Berdasarkan analisis kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati keseluruhan responden menunjukkan perspektif yang positif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nurbaizura & Azizan (2020) yang menyatakan bahawa guru perlu kreatif dan inovatif dalam merancang kaedah pengajaran supaya objektif pembelajaran dapat dicapai. Dapatkan kajian juga menunjukkan pembelajaran dalam talian memudahkan guru untuk menghantar tugas kepada pelajar dan juga mudah dikemas kini daripada masa ke masa sekaligus menjadikan bahan bantu mengajar lebih efektif dan menarik.

Guru berpendapat bahawa menambahkan platform Google Classroom sebagai norma baru dalam pengajaran menyebabkan mereka meluangkan lebih masa untuk merancang pelajaran dan tugas kolaboratif dalam talian. Masa perancangan dapat dikurangkan apabila guru membiasakan diri dengan teknologi PdPc dalam talian. Oleh itu, perspektif guru didapati positif terhadap pelaksanaan PdPc dalam talian. Selain itu, dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa pembelajaran dalam talian lebih menarik berbanding pembelajaran tradisional. Walaubagaimanapun, terdapat kajian yang menyatakan bahawa guru-guru hanya bersetuju kaedah ini dilaksanakan dalam tempoh pandemik ini sahaja tetapi tidak bersetuju ia digunakan sebagai pengganti kepada pembelajaran tradisional. (Irfan Fauzi, et al., 2020). Hal ini demikian kerana mereka lebih suka kaedah pengajaran tradisional berbanding kaedah pengajaran dalam talian.

5.2 Kompetensi Digital Guru Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat Dalam Menjalankan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden guru sekolah rendah daerah Batu Pahat mempunyai kompetensi digital yang tinggi. Mereka bersedia untuk melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian dengan menggunakan Youtube, video dan juga sistem pengurusan pembelajaran seperti Google Classroom, Zoom atau Meet. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Lapada et. al (2020). Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian akan membantu pelaksanaan sesi pembelajaran kerana teknologi boleh menjadi jambatan bagi guru memindahkan pengetahuan kepada pelajar sekaligus menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna sepanjang tempoh pandemik Covid-19 ini.

Menurut kajian Kuppusamy & Norman (2021), penggunaan teknologi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian dapat meningkatkan kualiti guru dengan menghasilkan pembelajaran inovatif yang memberi satu pengalaman yang terbaik. Selain itu, pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian meningkatkan autonomi dalam persekitaran pembelajaran kolaboratif berdasarkan pelajar. Hasil kajian Rusdiana et al. (2020) menunjukkan bahawa kompetensi digital guru melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian adalah satu penyelesaian masalah dalam proses pembelajaran semasa pandemik Covid-19. Seterusnya, pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian dapat memotivasi pelajar untuk belajar dan meningkatkan prestasi mereka.

6. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, responden guru sekolah rendah daerah Batu Pahat menunjukkan perspektif yang positif terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam talian semasa pandemik Covid-19. Mereka juga berpendapat bahawa mereka harus mengembangkan kompetensi digital mereka. Ini membuktikan bahawa guru telah menyedari kepentingan teknologi dalam aktiviti pengajaran mereka. Keupayaan guru untuk berinovasi dalam merancang dan mengumpulkan bahan, kaedah belajar, dan memilih aplikasi terbaik sesuai dengan bahan dan teknik akan memeriksa keberhasilan mereka dalam melakukan pembelajaran dalam talian dalam situasi pandemik Covid-19. Tambahan pula, guru mesti dapat membuat model dan strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan keupayaan pelajar di sekolah mereka. Penggunaan beberapa aplikasi dalam pembelajaran dalam talian bermanfaat bagi guru dalam proses pembelajaran ini. Guru harus mempunyai kompetensi bukan sahaja dalam bidang teknologi dan digital tetapi juga pengurusan pembelajaran dalam talian. Oleh itu, guru memerlukan lebih banyak latihan profesional untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam mewujudkan keberkesanan pembelajaran dalam talian. Sokongan dari semua pihak yang berkepentingan, termasuk pemerintah, sekolah, guru, ibu bapa, dan masyarakat, juga menentukan titik pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian yang efektif dijalankan semasa pandemik Covid-19 ini.

Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa penghargaan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

Rujukan

- [1] Aboagye, E., Yawson, J. A., & Appiah, K. N. (2020). COVID-19 and E-Learning: the Challenges of Students in Tertiary Institutions. *Social Education Research*, 109–115. <https://doi.org/10.37256/ser.122020422>
- [2] Alarcón, R., Pilar Jiménez, E., & Vicente-Yagüe, M. I. (2020). Development and validation of the DIGIGLO, a tool for assessing the digital competence of educators. *British Journal of Educational Technology*, 51(6), 2407–2421. <https://doi.org/10.1111/bjet.12919>
- [3] Almosa A 2002 Use of computer in education, (2nd ed). Riyadh: Future Education Library.
- [4] C.A.S.N., & M.N.N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik Covid-19. *PENDETA: Journal of Malay Language,(Education and Literature 11)*, 46–57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- [5] Davis F.D 1989 Perceived usefulness, perceived ease of use and user acceptance of Information Technology. <https://pdfs.semanticscholar.org/3969/e582e68e418a2b79c604cd35d5d81de9b35d.pdf>
- [6] Hairia'an N H & Dzainudin M 2020 Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9 18–28.
- [7] Hamid H A & Khalidi J R 2020 Covid-19 and Unequal Learning Khazanah Research Institute, April, 1–8.

- [8] Irfan Fauzi & Iman Hermawan Sastra Khusuma 2020 Teachers' elementary school in online learning of COVID-19 pandemic conditions Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan 5(1) 58-70.
- [9] Krejcie R V & Morgan D W 1970 Determining sample size for research activities Educational and Psychological Measurement, 30 607-610.
<https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- [10] Kuppusamy Y & Norman H 2021 Kemahiran teknologi dan kesediaan melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa era pandemik dalam kalangan guru di Sekolah Rendah Tamil Jurnal Dunia Pendidikan 3(1) 428–441.
- [11] Lapada, A. A., Miguel, F. F., Robledo, D. A. R., & Alam, Z. F. (2020). Teachers' Covid-19 Awareness, Distance Learning Education Experiences and Perceptions towards Institutional Readiness and Challenges. International Journal of Learning, Teaching and Educational Research, 19(6), 127–144. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.6.8>
- [12] Pallant J 2010 SPSS survival manual - a step by step guide to data analysis using SPSS for windows (version 10). Buckingham Open University Press.
- [13] Rahayu R P & Wirza Y 2020 Teachers' Perception of Online Learning during Pandemic Covid-19. Jurnal Penelitian Pendidikan, 20(3) 392–406.
<https://doi.org/10.17509/jpp.v20i3.29226>
- [14] Rasmitadila, R., Aliyyah, R. R., Rachmadtullah, R., Samsudin, A., Syaodih, E., Nurtanto, M., & Tambunan, A. R. S. (2020). The Perceptions of Primary School Teachers of Online Learning during the COVID-19 Pandemic Period: A Case Study in Indonesia. Journal of Ethnic and Cultural Studies, 7(2), 90. <https://doi.org/10.29333/ejecs/388>
- [15] Redecker C 2017 European Framework for the Digital Competence of Educators: DigCompEdu. Punie, Y. (ed). EUR 28775 EN. Publications Office of the European Union, Luxembourg
- [16] Rusdiana A Abdul Muin Ara Hidayat & Yaya Suryana 2020 POE2WE learning management based on Google Classroom blended learning International Journal of Psychosocial Rehabilitation 24 (8) 1475-7192
- [17] Krishnamurthy, S. (2020). The future of business education: A commentary in the shadow of the Covid-19 pandemic. Journal of Business Research, 117, 1–5.
<https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2020.05.034>
- [18] UNESCO. (2020a). School closures caused by Coronavirus (Covid-19). Retrieved from <https://en.unesco.org/covid19/educationresponse>
- [19] Zabukovsek S S & Bobek S 2013 TAM-based external factors related to ERP solutions acceptance in organizations International Journal of Information Systems and Project Management 1(4) 25-38.